

20 JUL 2000

EMBARGO/0001/21 JULAI

AGONG KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA BELGIUM DAN COLOMBIA

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah telah menghantar perutusan tahniah kepada Raja Albert II sempena Hari Kebangsaan Belgium.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Guy Verhofstadt dengan harapan semoga kerjasama antara Malaysia dan Belgium dapat dipertingkatkan lagi.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula menghantar perutusan kepada Menteri Luar Belgium Louis Michel, menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini.

Seri Paduka juga mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Colombia Andres Pastrana sempena ulang tahun ke-190 Kemerdekaan negara itu.

Dr Mahathir, dalam perutusannya kepada Pastrana berkata kedua-dua negara boleh bekerjasama bagi memperluaskan lagi hubungan dalam bidang perdagangan dan kerjasama ekonomi.

Syed Hamid juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya dari Colombia Guillermo Fernandez de Soto.

-- BERNAMA

AKT FAZ